



**INTERNATIONAL JOURNAL OF LAW,  
GOVERNMENT AND COMMUNICATION  
(IJLGC)**  
[www.ijlgc.com](http://www.ijlgc.com)



## **TINJAUAN PENERIMAAN MAHASISWA PENGAJIAN ISLAM DI SABAH TERHADAP HUBUNGAN SOSIAL RENTAS AGAMA**

### *A SURVEY ON THE ACCEPTANCE OF INTERRELIGIOUS SOCIAL RELATIONS AMONG ISLAMIC STUDIES UNDERGRADUATES IN SABAH*

Habibah Artini Ramlie<sup>1\*</sup>, Norshahrul Marzuki Mohd Nor<sup>2</sup>, Suraya Sintang<sup>3</sup>, Salmah S Hassan<sup>4</sup>, Dg. Hafizah Ag. Basir<sup>5</sup>

- <sup>1</sup> Fakulti Pengajian Islam, Universiti Malaysia Sabah, 88400 Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia  
Email: [habibah\\_artini@ums.edu.my](mailto:habibah_artini@ums.edu.my)
- <sup>2</sup> Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris, 35900 Tanjong Malim, Perak, Malaysia  
Email: [norshahrul@fsk.upsi.edu.my](mailto:norshahrul@fsk.upsi.edu.my)
- <sup>3</sup> Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah, 88400 Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia  
Email: [suraya@ums.edu.my](mailto:suraya@ums.edu.my)
- <sup>4</sup> Fakulti Pengajian Islam, Universiti Malaysia Sabah, 88400 Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia  
Email: [salmahshassan@ums.edu.my](mailto:salmahshassan@ums.edu.my)
- <sup>5</sup> Fakulti Pengajian Islam, Universiti Malaysia Sabah, 88400 Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia  
Email: [dhafizah@ums.edu.my](mailto:dhafizah@ums.edu.my)
- \* Corresponding Author

#### **Article Info:**

##### **Article history:**

Received date: 27.03.2025  
Revised date: 17.04.2025  
Accepted date: 27.05.2025  
Published date: 30.06.2025

##### **To cite this document:**

Ramlie, H. A., Nor, N. M. M., Sintang, S., Hassan, S. S., & Basir, D. H. A. (2025). Tinjauan Penerimaan Mahasiswa Pengajian Islam Di Sabah Terhadap Hubungan Sosial Rentas Agama. *International Journal of Law, Government and Communication*, 10 (40), 747-756.

#### **Abstrak:**

Tujuan tinjauan ini adalah untuk menilai keberkesanan instrumen penyelidikan dalam meninjau penerimaan mahasiswa pengajian Islam di Sabah terhadap hubungan sosial rentas agama. Kajian adalah secara kuantitatif menggunakan soal selidik digital dan data diperolehi daripada 70 orang mahasiswa pengajian Islam di sebuah institusi pengajian tinggi di Sabah. Dapatan data demografi responden dan penerimaan dianalisis menggunakan ujian deskriptif dan kekerapan menerusi perisian Pakej Statistik Sains Sosial (SPSS) IBM versi 29. Secara keseluruhan, kajian menunjukkan majoriti mahasiswa pengajian Islam menerima hubungan sosial rentas agama tetapi majoriti tidak menerima kepercayaan bahawa setiap agama adalah benar. Walaupun begitu, kebanyakan pelajar tetap bersetuju bahawa aol beragama adalah hak kebebasan setiap individu dan setiap individu mesti mengetahui prinsip asasi agama lain sebagai pra syarat dalam hubungan sosial rentas agama. Situasi ini menjadikan para mahasiswa pengajian Islam lebih terbuka untuk bersahabat dengan rakan-rakan berlainan agama, menghormati kepercayaan mereka, berusaha mempelajari sesuatu yang baru dari rakan-rakan berlainan agama dan tidak merasa kekok untuk bergaul serta meminta pertolongan dari rakan-rakan berlainan agama

DOI: 10.35631/IJLGC.1040052

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)



apabila memerlukan bantuan. Mahasiswa pengajian Islam juga selesa membincangkan hal-hal akademik dan peribadi bersama rakan-rakan berlainan agama di samping bersedia untuk melakukan aktiviti harian bersama serta bekerjasama dalam sebarang program universiti. Hal ini bertepatan dengan syariat Islam yang menekankan bahawa setiap Muslim perlu menjaga hubungan baik dengan semua individu menurut batas-batas tertentu yang telah ditetapkan dalam syariat kerana ia selari dengan aspek keimanan serta adab-adab yang mulia. Nilai Cronbach Alpha sebanyak 0.680 juga menunjukkan dapatan kajian rintis ini adalah bertepatan dan sangat sesuai untuk diaplikasikan dalam kajian sebenar melibatkan sampel yang lebih menyeluruh.

#### Kata kunci:

Mahasiswa, Pengajian Islam, Hubungan Sosial Rentas Agama, Sabah.

#### Abstract:

The purpose of this survey is to assess the effectiveness of a research instrument in gauging the acceptance of interreligious social relations among Islamic Studies undergraduates in Sabah. This quantitative study employed a digital questionnaire, and data were collected from 70 Islamic Studies students at a public institution of higher learning in Sabah. Respondents' demographic data and levels of acceptance were analysed using descriptive and frequency tests via IBM SPSS Statistics 29.0. Overall, the findings indicate that the majority of Islamic Studies students accept interreligious social relations; however, most do not subscribe to the belief that all religions are equally true. Nevertheless, most students agree that religious belief is a matter of individual freedom, and that understanding the basic principles of other religions is a prerequisite for interreligious social engagement. This outlook makes Islamic Studies undergraduates more open to forming friendships with peers of other faiths, respecting their beliefs, learning new things from them, and feeling comfortable interacting with and seeking help from them when needed. They are also at ease discussing academic and personal matters with friends of different religions, participating in daily activities together, and collaborating on university programmes. This aligns with Islamic teachings, which emphasise the importance of maintaining good relations with others within the boundaries prescribed by the religion, as it reflects faith and noble conduct. A Cronbach's Alpha value of 0.680 further indicates that the findings of this pilot study are valid and highly suitable for application in a full-scale study involving a broader sample.

#### Keywords:

Undergraduates, Islamic Studies, Interreligious Social Relations, Sabah.

## Pengenalan

Malaysia terdiri daripada masyarakat majmuk berbilang agama dan budaya yang pada dasarnya hidup secara aman dan damai (Marpuah et al., 2021). Seiring dengan perubahan semasa, konsep masyarakat majmuk tersebut kini berubah kepada masyarakat kepelbagaian kerana isu pembinaan negara bangsa, hubungan etnik, kesepaduan sosial dan perpaduan adalah saling berkait rapat antara satu sama lain (Tan & Abdullah, 2021). Salah satu kepelbagaian dalam realiti kehidupan sosial masyarakat majmuk adalah anutan kepercayaan. Perbezaan anutan dan kepercayaan dalam masyarakat majmuk membawa kepada keperluan untuk setiap individu bergaul dengan segenap lapisan anggota masyarakat pelbagai agama.

## Sorotan Literatur

Kemajmukan dan kepelbagaian rakyat Malaysia perlu ditunjangi oleh penerimaan terhadap hubungan sosial rentas agama. Hal ini kerana idea dan langkah untuk memupuk perpaduan tidak akan dapat tercapai sekiranya hubungan serta kesepaduan sosial merentasi agama tidak berada pada tahap yang baik. Dapatan kajian Mat Zain et al.(2024) menunjukkan bahawa terdapat dua isu utama yang menjadi jurang dalam usaha pemupukan semangat toleransi antara penganut agama di Malaysia iaitu pendedahan media sosial dan politik semasa, kurangnya pengetahuan terhadap agama yang dianuti di samping kurangnya pendedahan terhadap agama-agama penganut lain. Situasi ini mendatangkan cabaran untuk menyatupadukan masyarakat khususnya dalam mewujudkan semangat toleransi antara penganut agama yang berbeza. Ia diburukkan lagi dengan dasar pengasingan antara kaum dan agama yang berlaku sejak zaman penjajahan. Mohd Sharif & Mohd Khambali (2017) menegaskan bahawa kepelbagaian kaum dan agama secara semulajadinya akan mencetuskan kepelbagaian gaya hidup, corak pemikiran serta kepercayaan. Pengalaman harian antara seseorang individu dengan individu lain serta antara sesama komuniti yang lain mungkin berbeza dalam corak pergaulan dengan etnik lain. Ia meliputi usaha memahami aspek pengamalan beragama, adat resam, budaya dan seumpamanya. Kesan dari pengetahuan dan pengalaman harian ini akan mencorakkan sikap, cara berfikir dan cara bertindak dalam mendepani cabaran-cabaran dalam pemupukan hubungan etnik yang harmoni (Lukin et al., 2021). Individu yang enggan mengakui variasi ini perlu dididik untuk menerimanya kerana kegagalan memahami hikmah di sebalik perkara ini akan menjadikan individu tersebut mempunyai kecenderungan untuk mencipta konflik serta perselisihan faham dengan manusia yang berbeza dengannya (Mohd Sharif et al., 2017).

Bagi mengatasi masalah ini, setiap individu perlu bergaul dengan segenap lapisan anggota masyarakat tidak kira dengan anutan agama yang sama mahupun berbeza anutan terutama dalam kalangan pelajar universiti yang terdiri dari kepelbagaian agama dan sosial (Marpuah et al., 2021). Dalam hal ini, dapatan kajian Muslim et al. (2016) berkenaan persepsi pelajar universiti terhadap hubungan etnik membuktikan bahawa faktor-faktor etnik, agama, aliran pendidikan sekolah rendah dan menengah sangat mempengaruhi persepsi pelajar terhadap hubungan etnik di Malaysia. Faktor-faktor ini sangat signifikan dalam mencorakkan hubungan etnik sesama pelajar kerana ia membangkitkan orientasi, nilai, sikap dan sosiologi budaya dalam sesebuah etnik. Pelajar juga menerima hakikat bahawa mereka perlu belajar dan hidup dalam suasana masyarakat pelbagai etnik, agama dan budaya sama ada dalam kehidupan seharian mahupun di alam maya. Tan & Abdullah (2021) yang menjalankan kajian untuk meninjau kesepaduan sosial dalam kalangan pelajar universiti juga mendapati bahawa aspek kesepaduan sosial dalam kalangan pelajar khususnya dalam dimensi kekitaan, keterangkuman, pengiktirafan dan kesaksamaan adalah agak kukuh dan lebih kuat dalam aspek sosiobudaya. Walaupun kesepaduan sosial dalam aspek ekonomi dan politik adalah berbentuk sederhana, keadaan ini tidak begitu menjejaskan hubungan etnik dalam kalangan pelajar. Perbezaan majoriti responden dari segi bahasa, budaya dan agama menjadikan kehidupan masyarakat bervariasi dan menjadi kebanggaan bersama.

Perlu ditekankan bahawa hubungan pelbagai etnik di Malaysia menjadi intipati penting dalam menjamin kesepaduan sosial dalam masyarakat (Mak Din et al, 2020).. Semangat hubungan sosial yang harmoni seterusnya membawa kepada idea keharmonian beragama serta pegangan pluralisme kerana kedua-dua aspek ini begitu berkait rapat dengan hubungan sosial rentas agama. Permasalahan timbul apabila perkara tersebut menghasilkan interpretasi berbeza dalam kalangan individu mahupun anggota masyarakat kerana ia berkaitan dengan soal agama. Ini dibuktikan menerusi kajian Mohd Sharif et al. (2017) berhubung penerimaan pelajar universiti

terhadap pluraliti agama yang mempunyai hubungan secara tidak langsung dengan aspek hubungan sosial rentas agama yang menjadi fokus kajian ini. Hasil kajian menunjukkan penerimaan pelajar terhadap pluraliti agama tidak begitu baik terhadap aspek-aspek tertentu seperti setiap agama adalah benar, setiap individu mesti mengetahui prinsip asasi agama lain sebagai pra syarat dalam masyarakat plural serta kebebasan beragama merupakan hak setiap individu. Dapatan kajian juga menunjukkan faktor agama dan jenis pendidikan sekolah rendah dan menengah mempunyai pengaruh yang besar ke atas respons pelajar terhadap pluraliti agama.

### ***Hubungan sosial rentas agama menurut perspektif Islam***

Kepelbagaian agama dan kepercayaan adalah satu keunikan dan Islam menganjurkan penganutnya agar menerima perbezaan agama dan etnik sebagai satu yang lumrah dalam hidup manusia. Tujuannya bukanlah untuk bermegah-megah dengan keistimewaan yang dimiliki sebaliknya untuk mewujudkan hubungan serta kerjasama yang erat dalam perkara mendatangkan kebajikan bagi membina kehidupan yang harmoni serta negara yang makmur (Nik Abdullah & Saari, 2019). Maksud firman Allah s.w.t :

'Wahai manusia! Sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu daripada lelaki dan perempuan, dan Kami telah menjadikan kamu pelbagai bangsa dan berpuak-puak, supaya kamu saling berkenalan. Sesungguhnya orang yang paling mulia di sisi Allah dalam kalangan kamu ialah orang yang paling bertawa. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Mendalam Pengetahuan-Nya.' (Qur'an, 49 : 13)

Seruan untuk hidup dalam suasana yang aman adalah untuk menjamin keharmonian bersama kerana ia adalah manifestasi konsep persaudaraan dalam Islam. Maksud firman Allah s.w.t :

'Sesungguhnya orang yang beriman itu adalah bersaudara, maka damaikanlah antara dua saudara kamu (yang bertelingkah) itu. Dan bertakwalah kepada Allah semoga kamu dirahmati.' (Qur'an, 49 : 10)

Maksud firman Allah s.w.t :

'...Dan bertaqwalah kepada Allah yang kamu selalu meminta dengan menyebut-nyebut nama-Nya, serta peliharalah hubungan kaum kerabat kerana sesungguhnya Allah sentiasa memerhati kamu.' (Qur'an, 4 : 1)

Islam juga memberi kelonggaran ruang dan peluang kepada penganutnya untuk menjalinkan hubungan serta berinteraksi dengan penganut bukan Islam selagi mereka tidak memusuhi Islam. Maksud firman Allah s.w.t :

'Allah tidak melarang kamu daripada melakukan kebaikan dan berlaku adil kepada orang yang tidak memerangi kamu kerana agama (kamu), dan tidak menghalau kamu dari kampung halaman kamu. Sesungguhnya Allah mengasihi orang yang berlaku adil.' (Qur'an, 60 : 8)

Islam turut mengungkapkan penerangan yang jelas mengenai konsep kebebasan beragama dan pada masa yang sama Allah s.w.t turut memberi peringatan bahawa hanya agama Islam yang diterima di sisi Allah s.w.t. Hal ini menunjukkan bahawa Islam tidak pernah memaksa penganut agama lain untuk menganut agama Islam. Maksud firman Allah s.w.t :

'Tiada paksaan dalam agama Islam kerana sesungguhnya telah nyata kebenaran (Islam) daripada kesesatan (kufur). Maka sesiapa yang tidak percayakan Taghut

dan beriman kepada Allah, maka sesungguhnya dia telah berpegang pada simpulan (tali agama) yang teguh yang tidak akan putus. Dan Allah Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui.’ (Qur’an, 2 : 256)

Maksud firman Allah s.w.t :

’Dan jika Tuhanmu kehendaki, pasti berimanlah semua manusia yang ada di bumi. Maka apakah engkau hendak memaksa manusia supaya mereka menjadi orang yang beriman?’ (Qur’an, 10 : 99)

Ringkasnya, soal agama dan kepercayaan adalah agenda penting kehidupan manusia dan aspek persefahaman antara agama perlulah sentiasa menjadi keutamaan (Mohd Sharif et al., 2017). Dalam konteks situasi di Sabah, meskipun keharmonian dalam kalangan masyarakat telah terbentuk, pelbagai cabaran tetap wujud dalam usaha mengekalkan keamanan kesan dari kebangkitan isu-isu seperti politik, keagamaan dan seumpamanya yang dianggap mampu menggugat sensitiviti masyarakat jika tidak dikendalikan dengan cara betul (Aratin & Abdul Rahman, 2022). Justeru kajian ini akan cuba merungkai aspek penerimaan mahasiswa pengajian Islam di Sabah terhadap hubungan sosial rentas agama bagi mendapatkan gambaran awal berhubung perkara ini menerusi pengamalan dan pengalaman pelajar yang merupakan generasi pelapis masa akan datang dalam mempertahankan keamanan dan keharmonian hidup bermasyarakat.

### Metodologi

Kajian ini merupakan kajian kuantitatif menggunakan borang soal selidik sebagai instrumen kajian. Item-item soal selidik diadaptasi dari kajian Mohd Sharif et al. (2017) dan Ramlie et al. (2023). Pemilihan responden adalah melalui persampelan bertujuan (*purposive sample*) berdasarkan kepada keperluan kajian ini. Instrumen soal selidik diedarkan menerusi borang digital kepada seramai 70 mahasiswa pengajian Islam dari seramai 354 orang pelajar di sebuah institusi pengajian tinggi di Sabah. Mahasiswa pengajian Islam dalam kajian merujuk kepada mahasiswa yang belajar di fakulti yang mengkhusus kepada bidang Pengajian Islam sahaja. Oleh itu, responden kajian ini tidak merujuk kepada mahasiswa Muslim di fakulti-fakulti lain. Justifikasi penetapan khusus ini adalah kerana tidak terdapat mahasiswa yang bukan beragama Islam belajar di fakulti tersebut. Oleh itu, penetapan sampel adalah untuk memenuhi objektif kajian iaitu meninjau aspek penerimaan mahasiswa pengajian Islam terhadap hubungan sosial rentas agama. Dapatan kajian dianalisis menggunakan perisian Pakej Statistik Sains Sosial (SPSS) IBM versi 29. secara deskriptif dan inferensi dan analisis data menunjukkan semua responden tidak mempunyai masalah untuk memahami soalan dan tidak bertanya apa yang dikehendaki oleh soalan soal selidik.. Konting (1990) menyatakan nilai *Alpha Cronbach* melebihi 0.60 sering digunapakai sebagai indeks kebolehpercayaan dalam sesuatu penyelidikan. Taber (2018) pula menyatakan nilai Cronbach Alpha melebihi 0.70 adalah mencukupi bagi kesahan kebolehpercayaan instrumen kajian. Dalam kajian tinjauan awal ini, nilai *Alpha Cronbach* yang diperolehi untuk menentukan nilai kebolehpercayaan bagi kesemua item soalan adalah berada dalam julat indeks ditetapkan iaitu 0.680. Ini menunjukkan item-item dalam soal selidik sesuai untuk diteruskan dalam kajian sebenar dengan sampel yang lebih menyeluruh.

### Dapatan dan Perbincangan

Soalselidik yang dikemukakan kepada para pelajar terbahagi kepada beberapa bahagian. Bahagian pertama adalah berkaitan demografi pelajar seperti yang dipaparkan pada Jadual 1.

**Jadual 1. Demografi Pelajar (N=70)**

| Bil | Pernyataan  | Jumlah | Peratus |
|-----|-------------|--------|---------|
| 1   | Jantina     |        |         |
|     | Lelaki      | 15     | 21.4%   |
|     | Perempuan   | 55     | 78.6%   |
| 2   | Asal        |        |         |
|     | Sabah       | 48     | 68.6%   |
|     | Sarawak     | 11     | 15.7%   |
|     | Semenanjung | 11     | 15.7%   |

Jadual 1 memaparkan maklumat responden. Daripada seramai 70 orang responden, seramai 55 orang (74.2%) adalah pelajar perempuan, manakala pelajar lelaki seramai 15 orang (25.8%). Seramai 48 orang (69%) berasal dari Sabah manakala responden yang berasal dari Sarawak dan Semenanjung Malaysia masing-masing seramai 11 orang (16%) dari Sarawak dan 11 orang (16%) dari Semenanjung. Bahagian kedua soal selidik adalah berkaitan respons dan penerimaan pelajar terhadap hubungan sosial rentas agama.

**Jadual 2. Respons pelajar secara keseluruhan terhadap hubungan sosial rentas agama**

| Bil | Item                                                                                                             | Tidak Setuju  | Kurang Setuju | Setuju        |
|-----|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|---------------|---------------|---------------|
| 1.  | Setiap agama adalah benar.                                                                                       | 44<br>(62.9%) | 14<br>(20%)   | 12<br>(17.1%) |
| 2.  | Soal beragama adalah hak kebebasan setiap individu.                                                              | 3<br>(4.3%)   | 10<br>(14.3%) | 57<br>(81.4%) |
| 3.  | Setiap individu mesti mengetahui prinsip asasi agama lain sebagai pra syarat dalam hubungan sosial rentas agama. | 1<br>(1.4%)   | 9<br>(12.9%)  | 60<br>(85.7%) |
| 4.  | Saya mempunyai rakan-rakan berlainan agama.                                                                      | 1<br>(1.4%)   | 1<br>(1.4%)   | 68<br>(97.1%) |
| 5.  | Saya menghormati kepercayaan rakan-rakan berlainan agama.                                                        | 0<br>(0%)     | 1<br>(1.4%)   | 69<br>(98.6%) |
| 6.  | Saya sentiasa berusaha mempelajari sesuatu yang baru dari rakan-rakan berlainan agama.                           | 2<br>(2.9%)   | 15<br>(21.4%) | 53<br>(75.7%) |
| 7.  | Saya tidak kekuk meminta pertolongan dari rakan-rakan berlainan agama apabila memerlukan bantuan.                | 1<br>(1.4%)   | 6<br>(8.6%)   | 63<br>(90%)   |

|                                                                                                           |              |               |               |
|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------|--------------|---------------|---------------|
| 8. Saya selesa bergaul dengan rakan-rakan berlainan agama.                                                | 0<br>(0%)    | 11<br>(15.7%) | 59<br>(84.3%) |
| 9. Saya selesa membincangkan hal-hal akademik bersama rakan-rakan berlainan agama.                        | 1<br>(1.4%)  | 4<br>(5.7%)   | 65<br>(92.9%) |
| 10. Saya selesa membincangkan hal-hal peribadi bersama rakan-rakan berlainan agama.                       | 9<br>(12.9%) | 21<br>(30.0%) | 40<br>(57.1%) |
| 11. Saya bersedia untuk melakukan aktiviti harian bersama rakan-rakan berlainan agama.                    | 1<br>(1.4%)  | 11<br>(15.7%) | 58<br>(82.9%) |
| 12. Saya bersedia untuk bekerjasama dengan rakan-rakan berlainan agama dalam sebarang program universiti. | 0<br>(0%)    | 1<br>(1.4%)   | 69<br>(98.6%) |

Jadual 2 menunjukkan tanggapan bahawa setiap agama adalah benar tidak dipersetujui dengan baik oleh pelajar (62.9%). Namun begitu, 81.4% pelajar bersetuju bahawa soal beragama adalah hak kebebasan setiap individu. Hal ini selari dengan firman Allah s.w.t yang menegaskan bahawa umat Islam tidak boleh mengiktiraf sembah penganut agama lain tetapi pada masa yang sama tidak menghalang penganut agama lain untuk berpegang kepada amalan agama mereka.

Maksud firman Allah s.w.t :

'Katakanlah (wahai Muhammad), Wahai orang kafir. Aku tidak akan menyembah apa yang kamu sembah. Dan kamu bukan penyembah Tuhan yang aku sembah. Dan aku tidak pernah menjadi penyembah apa yang kamu sembah. Dan kamu tidak pernah menjadi penyembah Tuhan yang aku sembah. Bagi kamu agama kamu dan bagiku agamaku.' (Qur'an, 109 : 1-6)

85.7% pelajar juga bersetuju setiap individu mesti mengetahui prinsip asasi agama lain sebagai pra syarat dalam hubungan sosial rentas agama. Tujuannya adalah untuk menyemai persefahaman kerana ia merupakan intipati penting untuk memupuk hubungan yang lebih erat antara satu sama lain bagi mengelakkan perpecahan dan permusuhan. Ia selari dengan saranan dalam al-Qur'an.

Maksud firman Allah s.w.t :

'Dan berpegang teguhlah pada tali Allah (agama Islam) Allah dan janganlah kamu berpecah belah. Ingatlah nikmat Allah kepada kamu ketika kamu bermusuhan-musuhan (semasa jahiliyah dahulu), lalu Allah menyatukan di antara hati kamu, maka dengan nikmat Allah itu kamu menjadi orang Islam yang bersaudara..' (Qur'an, 3 : 103)

Manakala untuk item keempat hingga kedua belas, mengikut urutan peratus persetujuan, 98.6% pelajar menyatakan bahawa mereka menghormati kepercayaan rakan-rakan berlainan agama dan bersedia untuk bekerjasama dengan rakan-rakan berlainan agama dalam sebarang program universiti. 97.1% menyatakan mereka mempunyai rakan-rakan berlainan agama dan 92.9% berasa selesa membincangkan hal-hal akademik bersama rakan-rakan berlainan agama. 90% pelajar tidak kekok meminta pertolongan dari rakan-rakan berlainan agama apabila memerlukan bantuan, 84.3% selesa bergaul dengan rakan-rakan berlainan agama, 82.9% bersedia untuk melakukan aktiviti harian bersama rakan-rakan berlainan agama dan 75.7% sentiasa berusaha mempelajari sesuatu yang baru dari rakan-rakan berlainan agama. Namun begitu, hanya 57.1% pelajar yang selesa membincangkan hal-hal peribadi bersama rakan-rakan berlainan agama. Tidak ada pelajar yang tidak menghormati kepercayaan rakan-rakan berlainan agama, tidak selesa bergaul dengan rakan-rakan berlainan agama dan tidak bersedia untuk bekerjasama dengan rakan-rakan berlainan agama dalam sebarang program universiti. Seterusnya hanya sebilangan kecil yang merasakan setiap individu tidak perlu mengetahui prinsip asasi agama lain sebagai pra syarat dalam hubungan sosial rentas agama dan tidak mempunyai rakan-rakan berlainan agama dengan jumlah masing-masing sebanyak 1.4%, tidak berusaha mempelajari sesuatu yang baru dari rakan-rakan berlainan agama (2.9%), berasa kekok meminta pertolongan dari rakan-rakan berlainan agama apabila memerlukan bantuan, tidak selesa membincangkan hal-hal akademik bersama rakan-rakan berlainan agama dan tidak bersedia untuk melakukan aktiviti harian bersama rakan-rakan berlainan agama masing-masing dengan jumlah sebanyak 1.4%.

Dapatan keseluruhan kajian ini menunjukkan bahawa pelajar boleh menerima hubungan sosial rentas agama dengan baik walaupun responden adalah mahasiswa pengajian Islam yang hampir tidak bersama sepenuhnya dengan rakan-rakan lain yang berlainan agama dalam urusan pengajian di fakulti. Kesemua item yang menjurus kepada pemupukan hubungan sosial yang bermula dengan keperluan saling berkenalan dan memahami antara satu sama lain mendapat respon positif. Perlu ditekankan bahawa sesi perkenalan akan melahirkan rasa keinginan untuk mendalami dan menjiwai latar belakang sesuatu kaum mahupun etnik bagi mewujudkan persefahaman dan kerjasama antara satu sama lain (Mohamad et al., 2017). Justeru peranan institusi persekolahan juga tidak sepatutnya dipinggirkan. Usaha perlu dimulakan dari awal kerana pelajar menghabiskan separuh dari masa seharian dengan berada di sekolah bersama para guru dan rakan-rakan. Hal ini kerana institusi persekolahan merupakan salah satu entiti pendidikan yang paling berpengaruh dalam kehidupan seharian pelajar khususnya dalam usaha membentuk hubungan etnik (Husin & Dawi, 2019). Segala usaha pelbagai pihak dalam merealisasikan impak integrasi etnik yang positif sejak daripada bangku sekolah seharusnya diteruskan kerana secara realitinya, interaksi dalam kalangan pelajar daripada kelompok etnik yang berbeza masih berada pada tahap yang rendah (Abang Muis et al, 2021). Sebagai kesinambungan, budaya amalan toleransi beragama (termasuklah hubungan sosial rentas agama) dalam kalangan mahasiswa perlu dilaksanakan secara berhikmah kerana keamanan dan kemakmuran sesebuah negara bergantung kepada perpaduan kaum di Malaysia (Marpuah et al., 2021).

## Kesimpulan

Pentingnya memupuk hubungan sosial rentas agama yang positif dalam kalangan pelajar adalah untuk memupuk nilai toleransi, hormat, dan persefahaman, mewujudkan suasana pembelajaran yang harmoni dan menyumbang kepada perpaduan nasional. Persefahaman yang dipupuk dengan baik akan menjadi platform dalam membentuk ketrampilan mahasiswa pengajian Islam yang bukan sahaja berkemampuan menerapkan nilai-nilai kerohanian serta

insaniah, malah mempunyai hubungan baik dengan semua individu dengan memanifestasikan ajaran Islam yang selari dengan arus globalisasi.

### Penghargaan

Kajian ini merupakan sebahagian daripada hasil penyelidikan bagi Geran Skim Dana Khas yang dibiayai Universiti Malaysia Sabah bertajuk 'Formulasi Model Hubungan Etnik Rentas Agama dan Budaya Pasca COVID-19 (SDK0159-2020)'. Penyelidik merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada pihak Universiti Malaysia Sabah yang telah memberi peruntukan dan membiayai penyelidikan ini.

### Rujukan

Al-Quran.

Al-Quran al-Karim & terjemahan Ar-Rayyan dengan panduan Waqaf & Ibtida'. 2022. Kuala Lumpur : Telaga Biru Sdn. Bhd.

Abang Muis, A.M.R, Esa, M.S, Ationg, R., Mohd Tamring, B.A, Abdul Hamid, J., Mokhtar, S., & Othman, I.W. (2021). Konsep integrasi etnik dari perspektif pembangunan berteraskan Islam di Malaysia. *International Journal of Law, Government and Communication (IJLGC)*, 6 (23) : 104-114.

Aratin, N. A. & Abdul Rahman N. F. (2022). Kajian sensitiviti agama: Tnjauan awal di Sabah. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*, 23(3) : 182-200.

Konting, M. M. (1990). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Lukin, S.A., Esa, M.S., Abang Muis, A.R., Ationg, R., Mohd Tamring, B.A., Othman, I. W. & Mokhtar, M. (2021). Kaedah dan Cabaran dalam Mengurus Hubungan Etnik di Malaysia. *International Journal of Law, Government and Communication (IJLGC)*, 6(23) : 115-124.

Mak Din, H.A., Hassan, N.A., Abdullah, A., Ismail, M.M & Md Yunus, M. (2020). Hubungan sosial rentas etnik ke arah pengukuhan kesepaduan sosial di Malaysia. *Islāmiyyāt* 42 (Isu Khas) : 107 -113.

Marpuah, S., Chan, J.W., Saiful Anwar, H., Nur Kholis, Akhyak, Intan Farhana. (2021). Kepentingan toleransi beragama dalam kalangan pelajar universiti. *Journal of Social Transformation and Regional Development*, 3(1) : 55-63.

Mat Zain, A.E., Ibrahim, H., Ismail, N., Ismail, S., Abu Hassan, N.A., & Dass Meral, F.F. (2024). Isu antara agama: sorotan awal kemerosotan toleransi agama Malaysia. *E-Jurnal Penyelidikan dan Inovasi*, 11(2):1-14.

Mohamad, R.N.A., P.Rameli, M.F., Nordin, R., Hashim, S.N.I (2017). Kepelbagaian Dan Kesepaduan Etnik Di Malaysia Menurut Islam. *Sains Insani*, 2(2) : 88-97.

Mohd Sharif, M.F., & Mohd Khambali, K. (2017). Respons pelajar IPTA terhadap pluraliti agama di Malaysia. *Afkar*, 19(1):1-40.

Muslim, N., Idris, F., Ibrahim, R., Abdul Latiff, R., Yunus, N., Mansor, A.Z., & Abdul Khafidz, H. (2016). Persepsi pelajar UKM terhadap hubungan etnik di Malaysia. *Al-Hikmah*, 8(2) : 38-59.

Nik Abdullah, N. K. & Sa'ari, C.Z. (2019). Perpektif Islam dalam mendepani masalah hubungan etnik. *Journal al-Muqaddimah*, 7 (2) : 13-34.

Ramli, H.A., Mohd. Nor, N.M., & Hashim, S. (2023). Tinjauan penerimaan terhadap aspek hubungan etnik rentas agama dan budaya dalam kalangan pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA). *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 8(53):493-503. DOI: 10.55573/JISED.085341

- Taber, K. S. (2018). The use of Cronbach's Alpha when developing and reporting research instruments in science education. *Research in Science Education*, 48(6) : 1273-1296.
- Tan, T. C., & Abdullah, M. S. (2021). Kesepaduan sosial dalam kalangan pelajar universiti. *Advances in Humanities and Contemporary Studies*, 2(2) : 24-33.